

Headline	ST mahu dakwa tiga pemilik rumah curi bekalan elektrik		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	34
ArticleSize	355 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,570		



ST mahu dakwa tiga pemilik rumah curi bekalan elektrik

Sandakan: Tiga pemilik rumah di Kampung Mangkalinau di sini bakal didakwa Suruhanjaya Tenaga (ST) selepas didapati mencuri bekalan elektrik dengan melakukan penyambungan secara haram untuk kegunaan rumah mereka dalam Op Bersepadu, pagi semalam.

Dalam operasi bermula jam 4 pagi hingga 8 pagi itu, pemilik rumah yang juga warga asing itu didapati melakukan kesalahan berkenaan dalam operasi dijalankan ST bersama Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB).

Seorang daripada yang ditahan itu adalah pendatang asing tanpa izin, manakala dua lagi masing-masing pemegang dokumen IMM13 dan memiliki kad pengenalan sementara.

Pengarah Wilayah ST Pantai Timur Sabah, Mohd Yusrul Yusof, berkata semua kesalahan disabitkan mengikut Seksyen 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak kurang RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun

atau kedua-duanya. Kita akan bawa kes ini kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk proses pendakwaan," katanya di sini, semalam.

Turut dirampas dalam operasi itu ialah kabel elektrik seberat 212 kilogram yang digunakan dalam kegiatan mencuri elektrik di kawasan penempatan setinggan berkenaan.

14 ditahan di PTS

Selain itu, 30 orang diperiksa dengan 14 daripadanya ditahan lanjut di pusat tahanan sementara (PTS) di Sibuga kerana tiada dokumen pengenalan diri.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sandakan, Asisten Komisioner Zabidi Md Zain, berkata 132 anggota daripada pelbagai agensi penguat kuasa dan pasukan keselamatan menyertai operasi berkenaan.

"Antaranya anggota ST, SESB, Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara

(JPN) dan polis.

"Kita menumpukan operasi memeriksa rumah yang melakukan penyambungan elektrik secara haram dan MPS mengeluarkan notis dua minggu untuk merobohkan rumah berkenaan," katanya.

Fakta nombor

RM50,000

denda dikenakan jika sabit kesalahan

212KG

kabel elektrik sambungan haram dirampas

Headline	ST mahu dakwa tiga pemilik rumah curi bekalan elektrik		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	23 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	34
ArticleSize	355 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,570		



Kakitangan SESB dan anggota Pasukan pemeriksa Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST) memeriksa sebuah rumah ketika Operasi Bersepadu membabitkan pelbagai agensi di Kampung Mangkalinau Batu 3, Sandakan, semalam.